

Operasi pembenihan awan esok

Oleh **SITIROHAIZAH ZAINAL**
pengarang@utusan.com.my

■ **KLANG 13 SEPT.**

PROSES pembenihan awan di Johan Setia akan dilakukan Ahad atau selewat-lewatnya Isnin bagi memastikan keadaan kembali pulih seperti biasa.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Jailan Simon berkata, waktu itu merupakan tempoh masa sesuai bagi proses pembenihan awan.

Menurutnya, pembenihan awan dilakukan berdasarkan faktor awam, angin dan kadar kelembapan dalam udara di sesuatu kawasan.

"Pasukan bagi pembenihan awan telah pun bersedia di Lapangan Terbang Subang dan hanya menunggu isyarat bagi menjalankan operasi tersebut," katanya ketika ditemui pemberita selepas meninjau kawasan di Johan Setia yang mencatat Indeks Pencemaran Udara (IPU) 200 di



PEMANDANGAN bandar raya Kuala Lumpur dari udara yang dilanda jerebu tahap tidak sihat dengan bacaan IPU Batu Muda (159) dan Cheras (154) sehingga pukul 1 petang, semalam. - UTUSAN/ABDUL RAZAK LATIF

sini hari ini.

Jarak penglihatan terhadap aki-
bat jerebu juga telah mengaki-
batkan tiga penerbangan dari
Lapangan Terbang Sultan Azlan
Shah (LTSAS) di Ipoh, Perak ter-
gendala, menyebabkan seramai

549 penumpang terkandas di
lapangan terbang tersebut.

Pengurus LTSAS, Mohd. Ali
Osman berkata, keadaan itu tu-
rut menyebabkan beberapa pe-
nerbangan yang dijadualkan tiba
di LTSAS juga telah membuat

lencongan ke Lapangan Terbang
Sultan Abdul Aziz Shah, Selangor
dan Lapangan Terbang Antara-
bangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Keadaan cuaca yang tidak sihat
itu juga telah menyebabkan be-
berapa acara sukan termasuk Pro-

gram FitMalaysia Edisi Melaka yang
dijadual berlangsung esok di Da-
taran Pahlawan Melaka Megamall,
Bandar Hilir Melaka dibatalkan.

Selain itu, penganjur dua aca-
ra sukan yang dijadual berlang-
sung hujung minggu ini turut
mengambil keputusan untuk me-
nangguhkan program termasuk
BHPetrol, yang menangguhkan
larian BHPetrol 2019 yang dijad-
ual pada Ahad.

Turut mengambil keputusan
sama ialah Cycling Selangor yang
menangguhkan Perlumbaan 03,
Selangor Criterium Series yang
dijadual pada Sabtu ini.

Dalam pada itu, berdasar-
kan IPU terkini sehingga pukul
5 petang ini mendapati Johan
Setia masih merekodkan bacaan
tertinggi iaitu pada tahap sangat
tidak sihat pada paras 234.

Lima kawasan lain yang men-
catatkan IPU tidak sihat pula ialah
Petaling Jaya (155), Banting (153),
Klang (147), Shah Alam (146) dan
Kuala Selangor (113).

LAGI BERITA DI MUKA 35